

JABATAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN  
ANTARABANGSA

TARIKH: 07.10.2022 MASA: 10.10pm

MUKTAMAD



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' AZHAR BIN HAJI ARSHAD  
**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MBSP CITY WALK 2022

### OLEH

YANG BERHORMAT TUAN JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL  
SINGH

**AHLI MAJLIS MESYUARAT KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG  
MERANGKAP PENGERUSI JAWATANKUASA PERUMAHAN,  
KERAJAAN TEMPATAN DAN PERANCANGAN BANDAR & DESA**

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**10 OKTOBER 2022 (ISNIN)**  
**9.00 PAGI**

**PERKARANGAN MENARA BANDARAYA  
MENARA BANDARAYA  
MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat kita bersama-sama pada hari ini dalam Program MBSP *City Walk* 2022 yang diadakan bersempena Hari Bandaraya Seberang Perai 2022 dan juga sempena Hari Sukan Negera 2022 yang jatuh pada 8 Oktober 2022.

Saya mewakili Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Jagdeep Singh Deo a/l Karpal Singh, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Pulau Pinang merangkap Pengerusi Jawatankuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan Dan Perancangan Bandar & Desa yang sudi hadir ke Seberang Perai bagi merasmikan program pada pagi ini.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-Ahli Majlis MBSP, Tuan Setiausaha Bandaraya, Ketua-Ketua Jabatan, warga kerja MBSP, peserta-peserta MBSP *City Walk* 2022, rakan-rakan media dan semua yang turut hadir bersama-sama bagi menjayakan majlis pada pagi

ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada Pejabat Belia dan Sukan Daerah Seberang Perai Tengah dalam jaringan kolaborasi dua hala dalam penganjuran program ini. Saya berasa amat gembira kerana dapat bersama-sama dengan anda semua dalam suasana majlis yang meriah ini.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Program MBSP *City Walk* 2022 ini adalah merupakan salah satu program yang bertujuan untuk memastikan tahap kecergasan serta penerapan amalan ke arah gaya hidup sihat sejahtera dan penjagaan kesihatan yang baik di kalangan masyarakat Seberang Perai. Kesihatan adalah aset utama jika dibandingkan dengan wang ringgit. Generasi muda yang sedang meniti dewasa berdepan dengan pelbagai masalah kesihatan antaranya obesiti, diabetes dan pelbagai lagi. Bagi menangani masalah ini, aktiviti riadah dan rekreasi sebegini sepatutnya dijadikan amalan harian yang dapat membentuk emosi yang positif.

Program ini selari dengan Penang2030 di bawah tema A iaitu "*Increase liveability to enhance quality of life*" dan mengikut inisiatif strategi A4 iaitu "*Diversify recreation, sports, arts and culture facilities*". Bersukan seperti badminton, hoki, bola sepak dan bersenam seperti Program Senam

Sihat di kalangan Warga MBSP dan *City Walk* dan berbasikal adalah aktiviti-aktiviti sosial yang telah dan akan diketengahkan oleh MBSP. Selain bersantai, bersukan dan bersenam mengeluarkan peluh dan adalah satu aktiviti menyihatkan badan yang perlu dilaksanakan oleh MBSP dalam membudayakan gaya hidup sihat dalam kalangan warga kerja MBSP dan warga Seberang Perai.

Program MBSP *City Walk* 2022 ini adalah terbuka kepada semua warga Seberang Perai dan kakitangan MBSP. Program ini melibatkan beberapa aktiviti di mana aktiviti utama adalah acara jalan ria (*fun walk*) yang merangkumi laluan sepanjang empat (4) kilometer sekitar Menara Bandaraya yang telah *flag-off* pada 7.00 pagi tadi. Selain itu, aktiviti *Zumba*, *Fitness Modern Dance* dan pelbagai acara permainan di *booth-booth* diadakan di kawasan Perkarangan Menara Bandaraya ini. Cabutan Hadiah Bertuah juga akan diadakan di akhir program ini nanti. Para hadirin sekalian juga boleh melawati gerai-gerai pameran dan juga *food truck*. Seramai lebih kurang 1,400 penduduk Seberang Perai telah mendaftar diri untuk mengambil bahagian dalam program ini.

**Yang Berhormat, Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

Sebelum saya mengakhiri ucapan, saya ingin mengucapkan Syabas dan Tahniah kepada Ahli Jawatankuasa Pengelola MBSP *City Walk* 2022 iaitu Jabatan Kemasyarakatan dan pengurus acara (*event manager*), I-Smart Service yang telah bertungkus lumus bagi memastikan kelancaran program ini. Terima kasih juga kepada penaja-penaja program yang bersama-sama memberi sokongan dalam menjayakan program ini iaitu Momawater Sdn. Bhd., So Convenience Store Sdn. Bhd., F&B Beverage Marketing Sdn. Bhd., Pusat Pakaian Hari-Hari Sdn. Bhd. dan Teong Huat Group. Adalah diharapkan agar sokongan dan kerjasama erat sebegini dapat diteruskan di masa akan datang.

Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini menyeru kepada semua rakyat Seberang Perai supaya dapat berganding bahu dan bekerjasama bagi merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri bersih, hijau, sihat dan selamat. Semoga Pulau Pinang terus maju dan berjaya!

**Sekian. Terima Kasih**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi***

***Wabarakatuh***